



AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	30/12/2019	MUKA SURAT	: 18
JABATAN	:	SPAN		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

ISU AIR TERCEMAR

Penyangkak mesti dihukum

Bersama
Nasharuddin
Muhammad

Sudah tiba
masa
penjenayah
dan penyangkak
alam sekitar ini
turut
dikenakan
hukuman
setimpal
dengan
perbuatan
jenayah berat
yang mereka
lakukan

B

aru-baru, kira-kira 1.5 juta pengguna di beberapa daerah di Selangor berdepan dengan masalah terputus bekalan air ke kediaman atau premis masing-masing. Masalah yang berlaku itu bukan disebabkan faktor alam akibat kekurangan hujan menyebabkan empangan menjadi kering, seterusnya bekalan air tidak mencukupi untuk disalurkan kepada pengguna. Sebaliknya, masalah yang sentiasa berulang itu berlaku akibat perbuatan tangan-tangan tidak bertanggungjawab yang menyebabkan bekalan air tercemar hingga tidak dapat disalurkan kepada pengguna.

Untuk rekod, sepanjang 2019 sahaja, sekurang-kurangnya tiga kali penduduk dan orang ramai di daerah tertentu di Selangor berdepan masalah terputus bekalan air disebabkan tindakan penyangkak dan penjenayah alam sekitar ini.

Itu kes yang membabitkan masalah pencemaran air serius yang berjaya dikesan pihak berkuasa. Belum lagi membabitkan kes pencemaran skala lebih kecil yang mungkin tidak menyebabkan bekalan dihentikan atau mungkin tidak dapat dikesan pihak berkuasa bertanggungjawab.

Dalam hal ini, apabila sudah terlalu kerap berlaku pencemaran sedemikian, sudah tentu timbul persoalan mengenai tahap keselamatan bekalan air yang dibekalkan kepada pengguna.

Walaupun kes pencemaran itu dilihat mungkin terpencil kerana hanya membabitkan sebahagian kawasan di Selangor, bukan keseluruhan negeri mahupun seluruh negara, namun ia tetap memerlukan tindakan yang sewajarnya daripada pihak berwenang.

Hal itu kerana, seperti juga bekalan elektrik, bekalan air termasuk sumbernya seperti sungai, empangan mahupun loji rawatan sepatutnya diberikan aspek kawalan keselamatan yang tinggi.

Ia bagi mengelak pihak tidak bertanggungjawab termasuk penyangkak dan penjenayah alam sekitar ini melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan mudarat dan mengancam keselamatan orang ramai.

Seperti kes yang berlaku baru-baru ini, puncanya



dikhabarkan akibat perbuatan penjenayah membuang sisa kimia ke dalam lubang kumbahan milik syarikat pembetungan nasional. Sisa kimia yang mengalir itu seterusnya menyebabkan pencemaran bau kepada air di Sungai Semenyih, sekali gus menyebabkan bekalan air kepada orang ramai terpaksa dihentikan.

Dalam hal ini, kita bukan mahu menuding jari menyalahkan mana-mana pihak, sebaliknya kes berulang yang berlaku itu sepatutnya sudah lebih daripada membuka mata kepada pihak

berwenang untuk mengambil tindakan punitif lebih tegas. Tanpa tindakan sedemikian, selagi itu masalah yang berlaku mungkin terus berulang hingga bukan saja menyusahkan orang ramai, malah lebih parah lagi

1.5 juta

Pengguna di beberapa daerah di Selangor terputus bekalan air

boleh mengancam keselamatan mereka.

Mungkin sudah tiba masa bagi pihak berwenang menjadikan perbuatan jenayah alam sekitar ini sama seperti perbuatan jenayah berat yang lain seperti merompak, membunuh dan mengedar dadah. Jika pelaku jenayah berat seperti perompak, pembunuh dan pengedar dadah boleh dikenakan hukuman berat termasuk hukuman mati, tiada sebab penjenayah dan penyangkak alam sekitar ini tidak boleh dijatuhi hukuman sama.

Hal ini kerana perbuatan jenayah yang mereka lakukan kesannya sama berat iaitu boleh mengancam nyawa orang ramai dan menjejaskan keselamatan negara.

Dalam hal ini, jika akta dan perundangan yang sedia ada gagal menyelesaikan kes jenayah alam sekitar seperti kes pencemaran bekalan air, akta dan perundangan baharu boleh dipinda atau digubal.

Sudah tiba masa penjenayah dan penyangkak alam sekitar ini turut dikenakan hukuman setimpal dengan perbuatan jenayah berat yang mereka lakukan.

Jangan hanya disebabkan perbuatan satu atau dua orang atau syarikat tertentu yang membuang sisa bahan kimia di tempat tidak sepatutnya, kesannya boleh menyebabkan kesusahan dan kesengsaraan bukan sahaja kepada satu atau dua orang, malah jutaan orang yang terjejas.

>>>Penulis Pengarang
Berita, Harian Metro

dialog kotaraya oleh juragan

